

**" PORTABLE SHOWER UNIT" UNTUK KEGUNAAN KAWASAN REKREASI**



**LAPORAN PENYELIDIKAN**

**KURSUS IDH317 / DIPLOMA PROJECT 1**

**DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA (SENI REKA PERINDUSTRIAN)**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**CAWANGAN KEDAH, KAMPUS SUNGAI PETANI**

**PETI SURAT 187, 08400 MERBOK, KEDAH DARUL AMAN, MALAYSIA**

**OLEH:**

**MOHD JASMIN BIN MD JAMEL**

**2003416963**

**NOVEMBER 2005**

## **PENGISYTIHARAN**

### **AKUAN**

Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja yang terkandung dalam cadangan penyelidikan ini adalah asli dan milik kami kecuali yang dikenal pasti dan diiktiraf dengan sewajarnya. Sekiranya kami kemudiannya didapati melakukan plagiarisme atau perbuatan curang akademik, tindakan boleh diambil mengikut peraturan dan peraturan akademik UiTM.

Ditandatangani

-----  
Name: Mohd Jasmin Bin Md Jamel

Matric No.: 2003416983

# ISI KANDUNGAN

	Halaman
Surat Penyelidikan	ii
Surat Penyerahan Laporan	iii
Daftar Ahli Penyelidik	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vii
Senarai Carta	x
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Gambar	xv
Senarai Singkatan	xvi
Senarai Lampiran	xvii
Abstrak	xviii
<b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif	2
1.3 Definisi Pengukuran	3
1.4 Penyataan Masalah	3
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Teori Rekabentuk	5
1.7 Organisasi kajian	5

<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
	2.1 Pengenalan	6
	2.2 Status Kajian	6
	2.3 Kajian Lepas	8
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	3.1 Pengenalan	9
	3.2 Kaedah Penyelidikan	9
	3.3 Data Prima	10
	3.3.1 Soalselidik	10
	3.3.2 Temubual	11
	3.3.3 Tinjauan	12
	3.4 Data Skunder	12
	3.4.1 Perpustakaan	13
	3.4.2 Internet	13
	3.4.3 Lain-lain	15
	3.5 Teknik Analisa Data	15
<b>BAB 4</b>	<b>LATAR BELAKANG RESPONDEN</b>	
	4.1 Pengenalan	16
	4.2 Demografi	16
	4.3 Latar Belakang Responden Bagi Soal selidik	16

## ABSTRAK

Sumber air merupakan sumber yang amat penting dalam kehidupan kita sejak dahulu lagi. Penggunaan air tidak terhad kerana ia digunakan dalam pelbagai aktiviti yang berkaitan dalam kehidupan kita. Ia digunakan untuk mandi, memasak, membasuh pakaian dan sebagainya. Sumber air boleh didapati di mana-mana sahaja contohnya seperti di sungai, tasik, telaga dan sebagainya. Namun begitu masih terdapat masalah yang dihadapi untuk mendapatkan sumber air semasa berada di luar rumah kerana bekalan air adalah terhad dan sukar untuk mendapatkannya terutamanya semasa berada di kawasan-kawasan rekreasi, kawasan rehat lebuhraya, kawasan pembinaan, dan sebagainya. Kajian dan analisa terhadap keperluan dan kehendak pengguna perlu dijalankan untuk mendapatkan perincian tentang situasi permasalahan. Untuk memastikan masalah yang dihadapi oleh pengguna, kajian hanya tertumpu di kawasan pusat rekreasi. Pada masa kini semakin ramai yang meminati aktiviti luar terutama aktiviti di taman-taman rekreasi. Kebanyakan taman rekreasi mempunyai kepadatan pengunjung yang tinggi serta kemudahan-kemudahan asas yang disediakan seperti surau, kafe, tandas dan sebagainya adalah terhad untuk menampung pengunjung yang datang. Kemudahan asas yang terhad ini telah mendatangkan masalah kepada pengunjung terutamanya untuk mandi. Pengguna perlu mencari sumber air untuk mandi kerana tiada alat mandian yang mudah alih serta lengkap dengan tangki air semasa berada di luar rumah. Masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pengunjung telah memberi idea baru kepada sektor industri kita dengan merekabentuk satu alat baru yang lebih efektif. Dengan wujudnya "*portable shower unit*" untuk aktiviti luar, ia telah memberi perspektif baru kepada pengunjung di mana mereka dapat membawa bekalan air sendiri dengan mudah dan senang semasa berada di luar rumah tanpa perlu menghadapi masalah mencari sumber air dan tempat untuk mandi.